

'KENANG JASA PENYOKONG KONG'

Dr. M: Mereka bantu BN menang

1982
JOHOR BAHRU, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menarik perhatian UMNO bahawa kejayaan cemerlang UMNO dalam pilihanraya lalu juga disebabkan oleh sokongan dari golongan yang bersimpati dengan perjuangan UMNO.

Golongan ini, tambah beliau, mungkin bukan ahli UMNO tetapi golongan yang secara diam-diam menyokong dan bersimpati dengan perjuangan UMNO.

Berdasarkan perkara ini, beliau memberi ingatan agar UMNO jangan memusuhi golongan ini kerana simpati dan sokongan mereka mungkin akan lari ke parti-parti yang lain.

Prasangka

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru di sini pagi tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika ini terjadi, sukar bagi UMNO berjuang dan mencapai cita-citanya.

Beliau berkata, per-

juangan UMNO luas bukan sahaja untuk memperjuangkan nasib ahli, juga orang-orang Melayu dan nasib rakyat negara ini yang berbilang kaum.

Tambah beliau, kadangkala timbul prasangka yang tidak sihat menuduh kerajaan yang didokong oleh UMNO membelakangkan UMNO dalam pentadbiran negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, masakan kerajaan membelakangkan UMNO sedangkan UMNO adalah tulang belakang parti politik yang memerintah.

Tetapi dalam usaha

Oleh RASINAH MOHAMAD

memperjuangkan cita-cita UMNO, kerajaan terpaksa juga memperjuangkan nasib rakyat semua kaum di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru ahli UMNO berusaha mengukuhkan kedudukan parti, di samping berusaha mengekalkan sokongan dan simpati yang selama ini diterima dari golongan yang secara diam-diam menyokong dan bersimpati dengan perjuangan UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang diiringi

oleh isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ahmad berkata, UMNO kini menghadapi perubahan yang radikal dan setiap ahli UMNO diminta bersiap sedia menghadapi perubahan ini sejajar dengan pembangunan pesat yang dialami.

Menurut beliau, perubahan ini mungkin akan membawa kebaikan atau keburukan, hanya masa yang akan menentukan jadi, sebagai ahli UMNO tulen, beliau menyeru, mereka bersiap sedia menghadapinya

walaupun akan merasakan kepahitan dan kepedihannya.

"Dalam menghadapi perubahan ini, krisis dalam parti tidak diingini," katanya menyentuh pilihanraya pemuda dan wanita dalam perisidangan UMNO yang akan diadakan tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sebarang krisis parti boleh dielakkan sekiranya ahli-ahli UMNO tidak beremosi dalam menghadapi perubahan ini dan tidak hilang pegangan matlamat asal parti.

Menurut beliau, pertukaran para pemimpin tidak boleh dielakkan kerana pemimpin yang ada sekarang tidak boleh memimpin sampai tua dan UMNO sebagai sebuah parti yang berdisiplin dan yang berperlembagaan perlu pemimpin baru.

Beliau menambah, UMNO tidak mahu berlaku kejayaan seseorang personaliti dalam pilihanraya UMNO menyebabkan perpecahan di kalangan ahli-ahlinya.

Apa yang UMNO mahu ialah keutuhan, perpaduan dan disiplin ahli-ahlinya sentiasa terjamin di sepanjang waktu, kata beliau.